

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama
Sidang Akademik 1995/96

Oktober/November 1995

EUP 410 - JURUTERA DALAM MASYARAKAT II

Masa : [2 jam]

ARAHAN KEPADA CALON:

1. Sila pastikan kertas peperiksaan ini mengandungi 5 mukasurat bercetak dan 6 soalan sebelum anda memulakan peperiksaan.

BAHAGIAN A:

Jawab DUA soalan daripada TIGA soalan diberikan.

BAHAGIAN B:

Jawab DUA soalan daripada TIGA soalan diberikan.

2. Jawapan bagi tiap-tiap soalan hendaklah dimulakan di muka surat yang baru.

BAHAGIAN A:

1. (a) Matlumat kos digunakan oleh pengurus bagi lima tujuan am. Senaraikan dan terangkan secara ringkas tiap kegunaan kos matlumat ini. (40 markah)

- (b) Syarikat Ponniah mula beroperasi pada 2 Januari 1994. Pada akhir perniagaan 31 Disember 1994, imbangan akaun didapati pada imbangan duga tak terlaras berikut:

Barangan siap	RM 40,000.00
Buruh langsung	RM 80,000.00
Bahan langsung	RM200,000.00
Overhed perkilangan	RM 30,000.00
Kerja dalam proses	RM 60,000.00

Tentukan kos barangan dikilangkan bagi 1994. Tunjukkan cara kerjanya.

(60 markah)

2. (a) Firma perkilangan memerlukan tiga elemen kos perkilangan untuk menghasilkan keluaran siap semasa fungsi pengeluaran. Kenalpasti tiap elemen kos ini dan terangkan secara ringkas.

(24 markah)

- (b) Syarikat Tenggelam Timbul melaporkan matlumat berikut pada akhir tahun fisikalnya.

Permulaan kerja dalam proses	RM 31,000.00
Jualan	RM263,000.00
Akhir barangan siap	RM 50,000.00
Belanja penjualan & pentadbiran	RM 23,000.00
Akhir kerja dalam proses	RM 45,000.00
Permulaan barangan siap	RM 35,000.00
Buruh langsung	RM 80,000.00
Bahan langsung	RM 63,000.00
Overhed perkilangan	RM 28,000.00

- (i) Tentukan kos barangan dikilangkan. Tunjukkan cara kerjanya.
- (ii) Andaikan kos barangan dikilangkan dalam Bahagian (1) ialah RM150,000.00. Tentukan kos barangan dijual dan tunjukkan cara kerjanya.

(76 markah)

3. (a) Satu laporan kos pengeluaran mempunyai tiga bahagian. Kenalpastikan dan terangkan secara ringkas kandungan dan tujuan tiap bahagian ini.

(36 markah)

- (b) Syarikat Flip-Flop menggunakan pengekosan proses terhadap keluaran berikut:

Keluaran #	Permulaan Inventori Kerja Dalam Proses (Unit)	Peratus Siap	Akhir Inventori Kerja Dalam Proses (Unit)	Peratus Siap
Flippies	8,000	60%	10,000	40%
Floppies	22,000	30%	9,000	50%

- (i) Andaikan 20,000 unit Flippies telah siap dalam satu tempoh dan syarikat Flip-Flop menggunakan kaedah FIFO. Tentukan unit pengeluaran setara bagi Flippies.
- (ii) Andaikan 23,000 unit Floppies telah siap dalam satu tempoh dan syarikat Flip-Flop menggunakan kaedah purata pemberat. Tentukan unit pengeluaran setara bagi Floppies.

(64 markah)

BAHAGIAN B:

4. Akta Pekerjaan 1955 (Akta 265) menetapkan bahawa:

“Atas alasan bahawa seorang pekerja itu telah melakukan perbuatan yang bertentangan dengan syarat-syarat pekerjaannya, samada syarat-syarat ternyata ataupun tidak, dan setelah dijalankan inquiry, maka seseorang majikan itu boleh _____”

- (a) memecat pekerja itu tanpa memberi notis;
- (b) menurunkan pangkat pekerja itu;
atau
- (c) mengenakan hukuman yang lebih ringan yang dikira lebih adil dan sesuai.
 - (i) Terangkan cara-cara atau prosedur untuk mengadakan dan menjalankan sesuatu inquiry tempatan dan tindakan yang perlu diambil sesudahnya.
(70 markah)
 - (ii) Terangkan perkara yang mungkin berlaku jika pekerja itu tidak berpuas hati dengan keputusan inquiry tersebut.
(30 markah)

5. Mengikut Akta Kilang Dan Jentera, 1967 (Akta 139), rekabentuk dan pembinaan sebuah kilang mestilah mengambilkira peruntukan-peruntukan yang berikut:

- (i) Peruntukan-peruntukan berkaitan dengan Keselamatan; (40 markah)
- (ii) Peruntukan-peruntukan berkaitan dengan Kesihatan; dan (40 markah)
- (iii) Peruntukan-peruntukan berkaitan dengan Kebajikan. (20 markah)

Tulis nota-nota yang sesuai untuk menerangkan tentang 2 (i), (ii) dan (iii).

6. Bincangkan perkara-perkara berikut yang terdapat di dalam Akta Kilang dan Jentera, 1967 (Akta 139):

- (i) Sijil Kecekapan. (20 markah)
- (ii) Sijil Kelayakan. (20 markah)
- (iii) Bahagian-bahagian mesin yang merbahaya. (15 markah)
- (iv) Peruntukan mencegah kebakaran. (10 markah)
- (v) Tanggungjawab pekerja-pekerja. (15 markah)
- (vi) Tanggungjawab pemilik kilang. (10 markah)
- (vii) Pakaian dan alat-alat keselamatan diri. (10 markah)